

# PANDUAN PERMOHONAN KEBENARAN BERKAHWIN

Copyright kursuskahwinwep.com

- ***Langkah Demi Langkah, Persediaan Maklumat Dan Perkara Yang Bakal Pengantin Perlu Lakukan Untuk Memohon Kebenaran Untuk Berkahwin.***

# KANDUNGAN

<b>TOPIK</b>	<b>M/S</b>
Pengenalan.....	3
Permohonan Kebenaran Perkahwinan	
• <u>Senarai Semak Permohonan Kebenaran Berkahwin</u> .....	6
• <u>Prosedur Permohonan Kebenaran Berkahwin</u> .....	10
• <u>8 Situasi Pasangan &amp; Cara Memohon Kebenaran Berkahwin</u> .....	25
• <u>Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan</u> .....	29
• <u>3 Langkah Mudah Membuat Ujian Saringan HIV ...</u>	30
• <u>Cara Membuat Temujanji di App JanjiTemu</u> .....	32
• <u>Jenis-jenis Permohonan yang Memerlukan Kebenaran Mahkamah</u> .....	35
• <u>Wali (Definasi, Syarat &amp; Kategori)</u> .....	36
• <u>Susunan Tertib Wali</u> .....	38
<u>Kesalahan dan Penalti</u> .....	41
Penutup.....	44

# PENGENALAN

Kursus Pra Perkahwinan adalah **KURSUS WAJIB** untuk semua pasangan yang ingin mendirikan rumahtangga dan belum pernah berkahwin. Kursus ini dijalankan mengikut Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI) yang disediakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Kursus ini dianjurkan dengan tujuan memberikan maklumat dan pendedahan awal kepada bakal-bakal suami isteri yang akan mendirikan rumahtangga. Ia diharap dapat dijadikan panduan oleh mereka dalam menghadapi kehidupan berkeluarga. Kursus ini juga bertujuan supaya dapat membantu dalam mengurangkan permasalahan rumahtangga dan perceraian yang dihadapi oleh umat Islam seluruh Malaysia.

Sepanjang lebih 18 tahun menganjurkan Kursus Pra Perkahwinan ini, pihak penganjur mendapati ramai peserta yang menghadapi masalah yang sama, mengajukan soalan yang sama iaitu bagaimana ingin membuat permohonan nikah di Jabatan Agama Negeri. Isu ini timbul kerana setiap pasangan mempunyai latar belakang yang berbeza, dan menghadapi situasi yang berbeza.

Untuk itu, kami mengambil keputusan untuk menghasilkan panduan ini sebagai rujukan semua peserta untuk memohon kebenaran berkahwin di Jabatan Agama Negeri masing-masing. Semoga dengan usaha ini, kami dapat membantu anda semua dapat memahami prosedur permohonan dengan jelas, dan juga tahu di mana ingin dirujuk jika ada kekeliruan.

Panduan ini telah dihasilkan mengikut kemaskini sehingga 15 Mac 2022. Panduan ini tidak boleh dijual semula oleh sesiapa pun melainkan oleh pihak **Kursus Kahwin WEP SAHAJA**. Jika anda membeli panduan ini selain dari pihak **Kursus Kahwin WEP**, bermaksud anda telah ditipu. Sila hubungi pihak berkenaan untuk memohon semula wang anda.

Secara ringkasnya, permohonan perkahwinan di Malaysia terbahagi kepada 2 bahagian:

1. *Permohonan kebenaran perkahwinan*
2. *Pendaftaran perkahwinan*

Untuk panduan ini, kita akan fokuskan kepada permohonan kebenaran perkahwinan kerana pendaftaran perkahwinan akan diuruskan oleh pihak jabatan agama terus selepas nikah kecuali untuk kes-kes tertentu sahaja.

# BAB 1

## PERMOHONAN KEBENARAN BERKAHWIN

# SENARAI SEMAK PERMOHONAN KEBENARAN BERKAHWIN

- Untuk memudahkan pemahaman dan proses memohon kebenaran bernikah, kami gubah senarai semak ini dalam bentuk jadual.
- Jadi, lebih mudah untuk anda kenal pasti perkara yang sudah anda sediakan, dan juga perkara yang anda tertinggal:
  - ✓ Jika sudah ada, anda cuma perlu tandakan sebagai sudah ada.
  - ✓ Jika belum ada, anda boleh tandakan sebagai belum ada.
  - ✓ Jika tidak perlu atau tidak berkaitan dengan anda, garis potong sahaja. Mudahkan?
  - ✓ Anda juga boleh masukkan nota di ruangan NOTA jika anda ada perkara yang perlu dibuat dengan senarai itu.
- Sila rujuk jadual di muka surat seterusnya

## MAKLUMAT PERMOHONAN

## MAKLUMAT PEMOHON DAN PASANGAN

1. No Kad Pengenalan (I/C)

2. Nama

3. Tarikh Lahir

4. Pendidikan Tertinggi

5. Alamat Tetap

6. Alamat Surat Menyurat

7. Alamat Tempat Kerja

8. No Telefon Tempat Bekerja

9. Kariah

10. No Telefon

11. Email

12. Pekerjaan

13. Pendapatan

## MAKLUMAT KEBENARAN

14. Tarikh Cadangan Berkahwin

15. Alamat Tempat Nikah

16. Kariah Tempat Nikah

17. Mas Kahwin

18. Pemberian lain (Barangan bernilai seperti Emas)

## MAKLUMAT WALI

19. Nombor Kad Pengenalan Wali

20. Nama Wali

21. Hubungan Wali (cth: Bapa @ abang @ datuk)

22. Tarikh Lahir Wali

23. Alamat Wali

24. Tarikh Nikah Ibu Bapa kandung

## PERAKUAN STATUS PEMOHON

25. **LELAKI:** Bujang, Beristeri, atau Duda26. **PEREMPUAN:** Dara, Balu, Janda, atau Thayyib  
(perempuan yang pernah bersetubuh)

SENARAI		Sudah Ada /Belum Ada	NOTA
<b>DOKUMEN PERMOHONAN</b>			
1.	Kad Pengenalan		
	<b>ATAU</b> Pasport		
	<b>ATAU</b> Kad Pengenalan MyPR sekiranya berstatus penduduk tetap		
	<b>ATAU</b> Kad Pengenalan MyKas sekiranya berstatus penduduk sementara bagi pemohon dan pasangan.		
2.	Pengesahan Ujian Saringan HIV dari Klinik Kesihatan Kerajaan.		
3.	Sijil Kursus Pra Perkahwinan		
4.	Sijil/ Surat/ Kad akuan menganut Islam. Pengesahan & pendaftaran di Jabatan Agama/Majlis Agama Islam jika memeluk Islam di Luar Negara [Jika berkenaan].		
5.	Kebenaran majikan jika Polis atau Tentera.		
6.	Surat Pengesahan Mastautin jika alamat dalam dokumen pengenalan diri bukan dari daerah / negeri tempat permohonan.		
7.	Kebenaran Mahkamah Syariah bagi pemohon bawah umur, wali hakim dan poligami.		
<b>DOKUMEN TAMBAHAN (PEREMPUAN SAHAJA)</b>			
1.	Kad Pengenalan wali.		
2.	Surat Perakuan Nikah atau Surat Perakuan Cerai ibu bapa kandung yang terdapat tarikh nikah.		
3.	Surat kebenaran berkahwin dari pasangan jika pasangan berlainan kariah/ daerah / negeri / negara		
4.	Borang Wakalah Wali.		
5.	Sijil Kematian Bapa atau Datuk.		
<b>BERSTATUS BERISTERI/DUDA/JANDA/ BALU</b>			
1.	Surat Perakuan Cerai bagi pasangan yang bercerai hidup.		
2.	Surat Perakuan Nikah		
	<b>ATAU</b> Surat Perakuan Persekedudukan Semula (Ruju')		
3.	Sijil Kematian pasangan sedia ada dan yang terdahulu jika bercerai mati		
4.	Surat Keterangan Cerai (Dekri Nisi Mutlak) dari Mahkamah Tinggi Sivil jika pasangan tidak menganut Islam.		
5.	Kebenaran Mahkamah Syariah bagi pemohon yang ingin berpoligami atau dalam tempoh iddah isteri.		

- Untuk **BUKAN WARGANEGARA** yang akan berkahwin dengan warganegara, dokumen tambahan diperlukan ialah:
  - Pasport/Visa Pemohon yang masih sah.
  - Surat Pengesahan Pas bagi tujuan perkahwinan dari Jabatan Imigresen Malaysia kecuali yang berstatus penduduk tetap atau sementara.
  - Surat pengesahan status pemohon/tiada halangan berkahwin dari kedutaan negara pemohon yang telah disahkan oleh Kementerian Luar Negeri kecuali yang telah mendapat status Penduduk Tetap di Malaysia.
- Dokumen yang dibenarkan ialah:
  - Pas Penggajian (Pas untuk bekerja)
  - Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang
  - Pas Lawatan (Sosial) Jangka Pendek
  - Pas Pelajar
  - Pas Lawatan Ikhtisas
  - Pas Residen
- Dokumen yang TIDAK dibenarkan pula ialah:
  - Pemegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS).
  - Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI)
  - Tidak mempunyai dokumen pengenalan diri
  - Tempoh sah pasport / visa tamat.

# **PROSEDUR PERMOHONAN KEBENARAN BERKAHWIN**

Untuk permohonan ini, terdapat 3 Langkah yang perlu dibuat

**1**

***Membuat Permohonan secara  
ONLINE atau MANUAL***

**2**

***Pengesahan borang oleh  
Pendaftar/Penolong Pendaftar  
Nikah kariah***

**3**

***Hantar borang ke Pejabat Agama  
Islam Daerah untuk kelulusan***

# LANGKAH #1

## Membuat Permohonan secara ONLINE atau MANUAL

- Layari website permohonan nikah untuk negeri masing-masing.
- Semua negeri di Malaysia menggunakan borang permohonan secara online **KECUALI** sabah sahaja yang masih menggunakan borang secara manual.
- Untuk permohonan di Sabah, anda perlu merujuk terus ke Pejabat Agama di Kawasan masing-masing.
- Soalan yang sering ditanya, “jika saya tinggal di KL, tapi alamat i/c saya di Johor, saya nak mohon di mana?”
- Jawapan:
  - anda boleh membuat permohonan di negeri seperti alamat i/c anda
  - ATAU anda boleh memohon di negeri anda bermastautin.
- BERMAUSTATIN bermaksud anda telah tinggal di negeri tersebut selama 4 bulan atau lebih.

- Setelah anda masuk ke website, klik di bahagian **kebenaran nikah online**.
- Selepas mengisi semua maklumat yang diperlukan, anda perlu klik cetak untuk cetak semua borang yang telah diisi.
- Apabila anda cetak, anda akan terima senarai semak, borang HIV dan juga borang permastautin bersama dengan borang permohonan nikah anda.
- Sila sediakan dokumen seperti yang tersenarai dalam senarai semak yang anda terima itu. Jika senarai semak nyatakan anda perlu buat 2 Salinan, sila buat 2 Salinan.
- Di muka seterusnya, anda boleh lihat website apa yang perlu anda masuk mengikut negeri anda.

- Kuala Lumpur
- Putrajaya
- Labuan
- Selangor
- Negeri Sembilan
- Melaka
- Johor
- Perak
- Kedah
- Perlis

**Sistem Pengurusan Perkahwinan Islam Malaysia**

Daripada Sa'ad bin Abi Waqas r.a. beliau Rasulullah SAW bersabda kepada r.a. : Sesungguhnya engkau tidak membelanjakan satu dirham sama sekali untuk mencari keridaan Allah melainkan engkau diberi pahala setanyah sahnya yang engkau masukkan dalam mulut isteri mu.

**Kajian Keberkesanan Pelaksanaan Kursus Praperkahwinan Islam kepada Peserta Kursus**  
Mohon kerjasama Tuan/Puan untuk melengkapkan **Satu Set** ini. Respons Tuan/Puan amat dihargai.  
Terima Kasih.


- Benar Nikah Online
- Pra-Perkahwinan Online
- NCR Luar Negara
- Rundingcara Online
- Senarai PAID (Pejabat Agama Islam Daerah)
- Panduan Perkahwinan

**Benar Nikah Online**

**KLIK Benar Nikah Online**

© 2011 reserved. DISCLAIMER: Kerajaan Malaysia tidak bertanggungjawab atas kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh penggunaan dari setiap maklumat yang dilihat di laman ini dengan menggunakan Internet Explorer versi 8 atau Mozilla Firefox versi 3 ke atas (dengan resolusi 1024x768).



• Kelantan



**KLIK** *Permohonan Berkahwin*

<https://emunakahat.Pahang.gov.my/>

- Pahang



Anda perlu **DAFTAR** dan **LOG MASUK** untuk memohon kebenaran berkahwin

Anda boleh juga klik Panduan Pengguna untuk melihat **MANUAL** memohon kebenaran berkahwin dari A-Z



[ Rabu, 02 Mac 2022 ]

# e-Munakahat

## SISTEM MAKLUMAT PERKAHWINAN ISLAM PAHANG

JABATAN AGAMA ISLAM NEGERI PAHANG

### PROFIL

No. Kad Pengenalan	:	900429292929
Nama *	:	<input type="text" value="Umar Bin Ali"/>
Jantina	:	LELAKI
No. Telefon *	:	<input type="text" value="0123456789"/>
Email *	:	<input type="text" value="Umar_ali@xmail.com"/>

[Kemaskini](#)

- Profil
- Permohonan Berkahwin
- Pendaftaran Perkahwinan
- Permohonan Ruju'
- Aduan/Khidmat Nasihat
- Salinan Dokumen
- Pembetulan Dokumen
- Keluar

**Setelah Log Masuk, barulah ada pilihan untuk memohon kebenaran berkahwin**

- Pulau Pinang

# emunakahat

Aplikasi Nikah Cerai Ruju' Pulau Pinang  
Capaian Awam Atas Talian

Utama Temuduga Khas Perkahwinan Kad Nikah Pintar Perceraian Ruju' Salinan Perakuan NCR Kadar Bayaran NCR

Info Sepanjang PKP Khidmat Nasihat

## Pengenalan eMunakahat

Selamat Datang ke Web Aplikasi Nikah Cerai Ruju' Pulau Pinang. Secara ringkasnya, web aplikasi NCR ini disediakan bagi memenuhi tuntutan awam yang mahukan perkhidmatan yang lebih cekap dan efisien dengan penggunaan teknologi maklumat yang sangat meluas digunakan era ini. Aplikasi ini menyediakan kemudahan perkhidmatan yang berkaitan dengan perkahwinan, perceraian dan ruju' yang merupakan perkhidmatan utama bagi mana-mana jabatan agama seluruh Malaysia secara atas talian. Perkhidmatan yang boleh dilakukan secara atas talian ialah permohonan kursus praperkahwinan, permohonan berkahwin, permohonan pendaftaran perceraian dan juga semakan status permohonan sijil nikah, cerai dan ruju'.

### Kursus Praperkahwinan

Sijil Kursus Praperkahwinan

### Permohonan Berkahwin

Permohonan (lelaki/perempuan) yang beralamat di Pulau Pinang atau bermastautin tetap di Pulau Pinang melebihi 4 bulan layak untuk memohon Kebenaran Berkahwin menerusi aplikasi ini. Permohonan ini perlu disahkan oleh Penolong Pendaftar NCR kariah tinggal anda sebelum diserahkan ke Pejabat Agama Daerah.

### Perakuan Cerai

Bagi pemohon yang telah mendapat keputusan perintah pendaftaran cerai dari mahkamah, pemohon boleh membuat permohonan untuk mendapatkan Surat Perakuan Cerai menerusi aplikasi ini, kemudian sertakan bersama perintah perceraian dan ke Pejabat Agama Daerah.

Maklumat Lanjut

### Permohonan Berkahwin

Permohonan (lelaki/perempuan) yang beralamat di Pulau Pinang atau bermastautin tetap di Pulau Pinang melebihi 4 bulan layak untuk memohon Kebenaran Berkahwin menerusi aplikasi ini. Permohonan ini perlu disahkan oleh Penolong Pendaftar NCR kariah tinggal anda sebelum diserahkan ke Pejabat Agama Daerah.

**Daftar Sekarang**

**Klik **Daftar Sekarang** untuk membuat permohonan nikah online**

## Perkahwinan

Pengenalan Prosedur Ujian Saringan HIV Pendaftar dan Penolong Pendaftar **Permohonan Berkahwin**

Semakan Status Permohonan

### Permohonan

Permohonan berkahwin boleh dilakukan secara online. Sebarang permohonan adalah tertakluk kepada terma dan syarat. Permohonan yang tidak lengkap/benar tidak akan dilayan. Permohonan hanya akan diproses selepas dokumen sokongan dilengkapkan. Sila klik nombor telefon untuk dihubungi.

### PERHATIAN : Senarai Semak

Senarai Semak Permohonan Kebenaran Berkahwin

**Mohon Sekarang**

### Semakan

Untuk mengetahui status permohonan anda, sila masukkan No.KP Pemohon, Pasangan, Tarikh Nikah dan Kata Laluan yang telah didaftarkan.

**Semak Permohonan**

Di bahagian Permohonan Perkahwinan, Klik **Mohon Sekarang** untuk memohon kebenaran berkahwin.

## Perkahwinan

Pengenalan Prosedur Ujian Saringan HIV Pendaftar dan Penolong Pendaftar Permohonan Berkahwin **Muat Turun**



Semakan Status Permohonan

### Muat Turun Borang/Senarai

1. Borang Permohonan Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan (Borang KKM)
2. Senarai Klinik Kerajaan yang menjalankan Ujian HIV
3. Senarai Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Negeri Pulau Pinang
4. Senarai Kawasan Penolong Pendaftar Perkahwinan, Perceraian dan Rujuk Negeri Pulau Pinang
5. Senarai Semak Permohonan Kebenaran Kahwin
6. Borang Wakalah Wali
7. Borang Pengesahan Anak Qayah
8. Borang Akuan Pengesahan Mastautin Di Negeri Pulau Pinang
9. Borang Kad Nikah
0. Soalan Temuduga Permohonan Berkahwin

Di bahagian **Muat Turun**, anda boleh muat turun pelbagai borang yang diperlukan.



• Terengganu



1. Anda perlu **Register dan Login** untuk memohon kebenaran berkahwin.
2. Anda juga boleh rujuk **Manual Pengguna** sebagai panduan mengisi borang permohonan.
3. Anda boleh klik **Borang Muat Turun** untuk muat turun borang-borang yang di perlukan dalam proses permohonan. Di bawah adalah senarai borang yang boleh anda muat turun.

#	JENIS BORANG
1	BORANG PERMOHONAN KURSUS MBKPI
2	BORANG HIV KKM
3	BORANG WAKALAH WALI
4	BORANG PERMOHONAN SALIAN NCR
5	BORANG PERMOHONAN KAD PERAKUAN NIKAH
6	MANUAL PENGGUNA

• Sarawak



1. Klik **Perkhidmatan**
2. Klik **Munakahat**



Permohonan Pendaftaran Kursus Pra Perkahwinan

Kursus disediakan bagi pasangan yang ingin berkahwin yang mengandungi modul yang komprehensif.

Sijil kehadiran kursus pra perkahwinan merupakan dokumen yang perlu dilampirkan bersama untuk permohonan berkahwin

[MOHON SEKARANG](#)

Permohonan Kad Perakuan Nikah

Permohonan Nikah

Permohonan kebenaran berkahwin sebelum suatu perkahwinan hendak dilangsungkan hendaklah diperolehi.

Sila rujuk tatacara permohonan

[https://kiswa.sarawak.gov.my/forms/PROSEDUR\\_PERMOHONAN\\_NIKAH.pdf](https://kiswa.sarawak.gov.my/forms/PROSEDUR_PERMOHONAN_NIKAH.pdf)

[MOHON SEKARANG](#)

Permohonan Khidmat Nasihat

Permohonan Daftar Nikah Luar Negeri

Setiap perkahwinan yang telah diadak nikah hendaklah di daftar di bawah Ordinan Undang Undang Keluarga Islam 2001. Oleh yang demikian perkahwinan yang telah di akad nikah di luar negeri atau perkahwinan terdahulu hendaklah didaftarkan melalui permohonan ini.

Tatacara Permohonan adalah seperti berikut

[https://kiswa.sarawak.gov.my/forms/PROSEDUR\\_PERMOHONAN\\_PENDAFTARAN\\_NIKAH\\_LUAR\\_N](https://kiswa.sarawak.gov.my/forms/PROSEDUR_PERMOHONAN_PENDAFTARAN_NIKAH_LUAR_N)

[MOHON SEKARANG](#)

Permohonan Pendaftaran Perceraian & Pembatalan Nikah

Permohonan Nikah

Permohonan kebenaran berkahwin sebelum suatu perkahwinan hendak dilangsungkan hendaklah diperolehi.

Sila rujuk tatacara permohonan

[https://kiswa.sarawak.gov.my/forms/PROSEDUR\\_PERMOHONAN\\_NIKAH.pdf](https://kiswa.sarawak.gov.my/forms/PROSEDUR_PERMOHONAN_NIKAH.pdf)

[MOHON SEKARANG](#)

Permohonan Khidmat Nasihat

1. Klik **Mohon Sekarang**.
2. Anda boleh klik link di sebelahnya untuk dapatkan panduan prosedur.
3. Anda akan diminta mendaftar *SarawakID* untuk memohon

# LANGKAH #2

## *Pengesahan Borang dan Dokumen*

- Kemukakan borang dan dokumen sokongan yang telah anda isi dan cetak kepada pendaftar atau penolong pendaftar nikah kariah untuk pengesahan.
- Pendaftar tersebut ialah imam jurunikah di tempat tinggal. Biasanya anda boleh rujuk ke Masjid kawasan anda.
- Untuk perempuan, anda perlu pergi bersama-sama dengan wali sekali. Jika tak pergi bersama wali, borang anda tidak dapat disahkan kecuali untuk yang menggunakan wali hakim.

# LANGKAH #3

## *Menghantar Borang ke Pejabat Agama*

- Setelah pendaftar nikah telah sahkan dokumen, anda perlu hantar dokumen tersebut ke Jabatan Agama negeri masing-masing di Kawasan anda untuk mendapatkan surat kebenaran berkahwin.
- Jika pasangan tinggal di daerah yang sama, sila hantar borang secara bersama, tak boleh secara berasingan.
- Jika tinggal berlainan daerah atau negeri, pihak lelaki perlu hantar dan menguruskan borangnya dahulu.
- Apabila pihak lelaki sudah dapat surat kebenaran berkahwin, barulah berikan kepada pihak perempuan.
- Seterusnya pihak perempuan perlu menghantar borangnya bersama-sama borang dari pihak lelaki tadi ke Pejabat Agama untuk mendapatkan kebenaran berkahwin bagi pihak perempuan.

- Kebenaran berkahwin hanya sah dalam tempoh **90 hari** dari tarikh akad nikah.
- Jika lebih dari 90 hari, anda perlu buat permohonan semula.
- Permohonan boleh dibuat mengikut alamat tempat tinggal (macam dalam ic), ATAU alamat bermastautin (tinggal di suatu Kawasan lebih 4 bulan)
- Jika anda permastautin, anda perlu sertakan borang permastautin.
- **SPECIAL CASE** untuk negeri Pulau Pinang; Untuk yang bermastautin di Pulau Pinang, anda tidak boleh memohon di Pulau Pinang.
- Kalau bermastautin di Pulau Pinang, anda mesti memohon mengikut alamat ic anda (alamat tempat tinggal).

## LAPAN SITUASI PASANGAN & CARA MEMOHON KEBENARAN BERKAHWIN

- Secara asasnya, permohonan kebenaran berkahwin dari Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) melibatkan 2 proses.
- Proses pertama ialah dari pihak lelaki.
  - Lelaki perlu hantar borang yang telah lengkap ke PAID daerahnya.
  - PAID daerah lelaki akan berikan borang yang siap di proses kepada lelaki Bersama-sama dengan surat kebenaran berkahwin.
  - Berikan semuanya kepada pihak perempuan.
- Proses kedua pula dari pihak perempuan.
  - Perempuan mesti hantar borangnya yang telah lengkap bersama-sama dengan borang lelaki ke PAID daerahnya.
  - PAID daerah perempuan akan keluarkan surat kebenaran berkahwin
- Jom tengok 8 situasi yang biasa pasangan hadapi & keliru, dan apa proses yang perlu anda ikut untuk mendapat kebenaran berkahwin.

# LAPAN SITUASI PASANGAN & CARA MEMOHON KEBENARAN BERKAHWIN

LELAKI	PEREMPUAN	TEMPAT NIKAH
Daerah A	Daerah A	Daerah A

Lelaki dan perempuan perlu hantar borang permohonan ke Pejabat Agama Islam Daerah (PAID) bersama-sama.

Daerah A	Daerah B	Daerah B
----------	----------	----------

1. Lelaki perlu hantar borang ke PAID daerahnya dan dapatkan surat kebenaran berkahwin.
2. Lelaki perlu berikan semua borang yang telah lengkap kepada perempuan
3. Perempuan hantar KEDUA-DUA (borang lelaki + borang perempuan) ke PAID daerah perempuan dan mendapatkan kebenaran berkahwin.

Daerah A	Daerah B	Daerah A
----------	----------	----------

1. Lelaki dapatkan surat kebenaran berkahwin.
2. Berikan kepada perempuan, dan perempuan dapatkan kebenaran berkahwin.
3. Serahkan kedua-dua surat kebenaran berkahwin (kebenaran lelaki & kebenaran perempuan) kepada PAID daerah lelaki.
4. Tunggu dapat surat kebenaran yang baru.
5. Berikan kepada imam jurunikah tempat lelaki.

<b>LELAKI</b>	<b>PEREMPUAN</b>	<b>TEMPAT NIKAH</b>
<b>Daerah A</b>	<b>Daerah B</b>	<b>Daerah C</b>

1. Lelaki proses borang dan dapatkan surat kebenaran berkahwin
2. Serahkan kepada perempuan, perempuan pula proses borang dan dapatkan surat kebenaran berkahwin.
3. Serahkan kedua-dua surat kebenaran berkahwin ke PAID tempat nikah (Daerah C), dapatkan surat kebenaran berkahwin yang baru.
4. Serahkan surat kebenaran berkahwin yang terbaru itu kepada Imam Jurunikah tempat akad nikah itu nanti.

<b>Daerah A</b>	<b>Bukan Warganegara tinggal di Malaysia</b>	<b>Daerah A</b>
-----------------	--	-----------------

### JIKA DAERAH SAMA

1. Lelaki dan perempuan perlu hantar borang permohonan Bersama

### JIKA DAERAH BERBEZA

1. Lelaki dapatkan surat kebenaran berkahwin.
2. Berikan kepada perempuan, dan perempuan pula proses borang dapatkan kebenaran berkahwin dari PAID daerahnya.
3. Serahkan kedua-dua surat kebenaran berkahwin ke PAID daerah lelaki
4. Tunggu dapat surat kebenaran yang baru.
5. Berikan kepada imam jurunikah tempat lelaki.

<b>LELAKI</b>	<b>PEREMPUAN</b>	<b>TEMPAT NIKAH</b>
<b>Daerah A</b>	<b>Bukan warganegara tinggal di Luar Negara</b>	<b>Luar Negara</b>

1. Hanya pihak lelaki sahaja yang perlu membuat permohonan nikah.
2. Selepas bernikah perlu pulang ke Malaysia untuk membuat pendaftaran di PAID daerah lelaki dengan segera.

<b>Bukan warganegara tinggal di Luar Negara</b>	<b>Daerah B</b>	<b>Daerah B</b>
---	-----------------	-----------------

1. Lelaki perlu hadir ke Malaysia dahulu supaya boleh memberikan dokumen supaya pihak perempuan dapat membuat permohonan berkahwin.
2. Perempuan sahaja yang perlu membuat permohonan kebenaran berkahwin

<b>Bukan warganegara tinggal di Luar Negara</b>	<b>Daerah B</b>	<b>Luar Negara</b>
---	-----------------	--------------------

1. Hanya pihak lelaki sahaja yang perlu membuat permohonan nikah di tempat pihak lelaki.
2. Selepas bernikah perlu pulang ke Malaysia untuk membuat pendaftaran di Pejabat Agama.

## UJIAN SARINGAN HIV PRA PERKAHWINAN

- Ujian saringan HIV adalah WAJIB dibuat oleh setiap pasangan yang mahu berkahwin supaya dapat mengetahui status HIV masing-masing terutamanya dari kalangan yang berisiko.
- Dengan ini, pasangan dapat mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mencegah penularan penyakit ini kepada pasangan.
- Keputusan ujian dapat diketahui pada hari yang sama, tak perlu tunggu lama.
- Tempoh sah keputusan ujian HIV ini adalah selama 6 bulan sahaja.
- Setakat panduan ini ditulis, Klinik Kesihatan mensyaratkan sesiapa yang ingin membuat ujian HIV perlu mendapatkan temujanji.
- Anda tidak digalakkan untuk melakukan ujian HIV ini terlalu lewat untuk mengelakkan kesukaran mendapatkan temujanji. Anda mungkin terpaksa tangguhkan tarikh pernikahan.

## **3 LANGKAH MUDAH MEMBUAT UJIAN SARINGAN HIV**

Untuk ujian saringan ini, ikut sahaja 3 langkah mudah ini:

**1**

*Muat turun borang Ujian Saringan HIV dari website*

**2**

*Buat temujanji menggunakan aplikasi JANJITEMU*

**3**

*Hadir ke Klinik kesihatan untuk membuat ujian pada Tarikh temujanji*

## MUAT TURUN BORANG

- Borang Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan boleh didapati dari website pendaftaran permohonan nikah atau dari Pejabat Agama untuk negeri Sabah.
- Untuk muat turun secara online, anda perlu isi dahulu permohonan nikah melalui website yang disediakan oleh Pejabat Agama Negeri masing-masing.
- Setelah selesai mengisi, anda boleh cetak borang tersebut dan Borang Ujian Saringan HIV Pra Perkahwinan akan dicetak Bersama dengan borang permohonan nikah.
- Namun, terdapat juga website yang membenarkan muat turun borang ujian saringan HIV tanpa perlu mengisi borang permohonan berkahwin terlebih dahulu.

## INGAT!

Permohonan ujian HIV ini boleh di buat **6 bulan** sebelum tarikh nikah, tetapi borang permohonan berkahwin yang dicetak bersama hanya boleh diproses dalam tempoh **90 hari @ 3 bulan** sebelum tarikh nikah anda. Jangan keliru 😊


\*\*\* Anda boleh rujuk di halaman seterusnya untuk langkah-langkah membuat temujanji

# CARA MEMBUAT TEMUJANJI DI APLIKASI JANJITEMU

- Sistem Janji Temu Klinik KKM adalah sistem terkini.
- Ada 4 langkah yang anda perlu buat:
  1. Muat turun Aplikasi Sistem Janji Temu Klinik KKM
  2. Daftar dan buat pengesahan akaun
  3. Membuat janji temu
  4. Mengesahkan janji temu di klinik KKM
- Namun, mungkin ada antara anda yang tidak dapat membuat tempahan janji temu kerana klinik berdekatan tiada dalam senarai, atau di sebabkan masalah lain.
- Ketika panduan ini disiapkan, anda masih boleh gunakan alternatif lain seperti Bookdoc, Qmed, dan Encoremed.
- Anda boleh rujuk *Panduan Janji Temu* yang anda terima Bersama panduan ini untuk langkah-langkah yang lebih terperinci.

## LANGKAH 1 :

### Muat Turun Aplikasi Sistem Janji Temu Klinik KKM




Sila muat turun dan Install aplikasi

## LANGKAH 2 :

### Mendaftar dan membuat pengesahan akaun




1. Buka aplikasi Janji Temu
2. Klik Sila daftar akaun anda disini
3. Selepas daftar, buka email untuk **aktifkan** akaun dan buat kata laluan anda.



## LANGKAH 3 :


### Membuat Janji Temu



Klik **Tempahan Baharu** untuk membuat janji temu

## LANGKAH 4 :

### Mengesahkan janji temu di Klinik KKM



1. Klik **Lihat Semua Tempahan**
2. Anda akan nampak tempahan janji temu yang anda telah buat.
3. Klik pada janji temu tersebut untuk membuat pengesahan Ketika di klinik KKM

# JENIS-JENIS PERMOHONAN YANG MEMERLUKAN KEBENARAN MAHKAMAH



## DEFINISI WALI

- Salah satu hukum **SAH** suatu perkahwinan adalah WALI.
- Dalam Bahasa mudahnya ialah, Wali ialah seseorang yang berhak untuk menikahkan pengantin perempuan kepada bakal suaminya.
- Wali perlulah mengikut tertib atau turutan yang telah ditetapkan oleh agama. Jika tidak mengikut tertib, maka perkahwinan anda adalah tidak sah!
- Sebagai contoh, anda menggunakan adik lelaki anda sebagai wali, walaupun bapa anda masih lagi hidup, dan memenuhi syarat sebagai seorang wali. Maka perkahwinan itu adalah tidak sah.

## SYARAT WALI

- Islam
- Lelaki (Sebelah Bapa)
- Baligh
- Sempurna Akal
- Merdeka
- Adil (Tidak Fasiq)
- Tidak Dipaksa
- Bukan Dalam Ihram
- Tidak Safih (orang yang ditahan hartanya akibat terlampau boros atau bodon)

## KATEGORI WALI

### • MUJBIR

- Wali nasab yang boleh menikahkan anak atau cucu perempuan yang masih gadis tanpa meminta izin perempuan itu terlebih dahulu.
- Wali mujbir hanya terdiri daripada bapa, datuk sebelah bapa dan ke atas. Ia dikenali sebagai wali *aqrab* (dekat).

### • BUKAN MUJBIR

- Wali nasab selain daripada bapa, datuk sebelah bapa dan ke atas.
- Mereka tidak boleh menikahkan perempuan tersebut yang masih gadis (anak dara) tanpa meminta keizinan terlebih dahulu. Juga dikenali sebagai wali *ab'ad* (jauh).

### • WALI HAKIM

- Wali yang ditauliahkan oleh Sultan atau Raja untuk mengahwinkan perempuan yang tidak mempunyai wali nasab atau apabila berlaku salah satu daripada sebab-sebab berikut:
  - Tiada wali nasab
  - Wali tidak memenuhi syarat wali dan wali yang berikutnya tiada
  - Wali engan / Ingkar tanpa sebab yang munasabah
  - Wali ghaib (hilang) tidak dapat dikesan
  - Wali ditahan dan tidak dapat dihubungi
  - Anak tidak sah taraf
  - Wali akrab berkahwin dengan pemohon (wanita) dan tiada wali setaraf

# SUSUNAN TERTIB WALI

1. *Bapa*
2. *Datuk (bapa kepada bapa) dan ke atas*
3. *Saudara Lelaki Seibu Sebapa*
4. *Saudara Lelaki Sebapa*
5. *Anak Saudara Lelaki Seibu Sebapa*
6. *Anak Saudara Lelaki Sebapa*
7. *Anak Lelaki kepada Saudara Lelaki Seibu Sebapa ke bawah*
8. *Anak Lelaki kepada Saudara Lelaki Sebapa ke bawah*
9. *Bapa Saudara Sebelah Bapa Seibu Sebapa*
10. *Bapa Saudara Sebelah Bapa Sebapa*
11. *Anak Lelaki Bapa Saudara Sebelah Bapa Seibu Sebapa (sepupu)*
12. *Anak Lelaki Bapa Saudara Sebelah Bapa Sebapa (sepupu)*
13. *Anak Lelaki Sepupu Seibu Sebapa ke Bawah*
14. *Anak Lelaki Sepupu Sebapa ke Bawah*
15. *Bapa Saudara Bapa Sebelah Bapa Seibu Sebapa (Datuk Saudara)*
16. *Bapa Saudara Bapa Sebelah Bapa Sebapa ( Datuk Saudara)*

17. *Anak Lelaki Datuk Saudara Seibu Sebapa*
18. *Anak Lelaki Datuk Saudara Sebapa*
19. *Anak Lelaki kepada Anak Lelaki Datuk Saudara Seibu Sebapa ke Bawah*
20. *Anak Lelaki kepada Anak Lelaki Datuk Saudara Sebapa ke Bawah*
21. *Bapa Saudara Datuk Seibu Sebapa (Moyang Saudara)*
22. *Bapa Saudara Datuk Sebapa (Moyang Saudara)*
23. *Anak Lelaki Moyang Saudara Seibu Sebapa*
24. *Anak Lelaki Moyang Saudara Sebapa*
25. *Anak Lelaki kepada Anak Lelaki Moyang Saudara Seibu Sebapa*
26. *Anak Lelaki kepada Anak Lelaki Moyang Saudara Sebapa*
27. *Wali Hakim*

## **INGAT!!!**

Tertib susunan wali **TIDAK BOLEH DILANGKAH**. Pasangan mesti berusaha untuk mendapatkan wali mengikut tertib yang betul sebelum membuat keputusan menggunakan wali hakim.

Dapatkan nasihat pejabat agama dalam hal berkaitan wali hakim!

# BAB 2

## KESALAHAN & PENALTI

KURSUSSUKAHWINWEP.COM

# KESALAHAN

1

PERKAHWINAN TANPA  
KEBENARAN

2

MEMBERI KENYATAAN PALSU

3

AKAD NIKAH PERKAHWINAN  
YANG TAK DIBENARKAN

4

POLIGAMI TANPA KEBENARAN  
MAHKAMAH

5

TIDAK HADIR DI HADAPAN  
PENDAFTAR DALAM TEMPOH  
YANG DITETAPKAN (6 BULAN)

## PERKAHWINAN TANPA KEBENARAN

- Suatu perkahwinan seseorang lelaki atau perempuan perlu mendapatkan kebenaran sama ada daripada pendaftar
- ATAU dalam kes tertentu perlu mendapatkan kebenaran daripada Mahkamah Syariah.

- **KESAN** perkahwinan tanpa kebenaran:

- Rukun nikah tidak sempurna, perkahwinan berpotensi untuk dibubarkan
- Surat nikah yang dikeluarkan adalah PALSU!

**CONTOH:** Kes perkahwinan yang dijalankan di sempadan Kedah atau Kelantan, namun sijil yang dikeluarkan adalah sijil nikah dari Thailand.

- Permohonan pendaftaran anak akan tergendala dan menghadapi masalah.
- Anak yang dilahirkan perlu melalui proses pengesah tarafan anak di Mahkamah Syariah

**Denda tidak lebih  
RM1000 atau penjara  
tidak lebih 6 bulan atau  
kedua-duanya**

## **PENUTUP**

Alhamdulillah, tahniah! Kerana anda telah baca hingga ke muka terakhir ini. Kami berharap agar panduan ini dapat memberikan anda gambaran dan pemahaman yang jelas apa yang perlu lakukan dalam menyiapkan proses permohonan perkahwinan.

Perkahwinan adalah satu proses yang sangat penting, kerana di suatu masa hadapan anda nanti, urusan kekeluargaan anda dan anak-anak anda semua akan bergantung kepada ketelusan proses ini.

Semua sedia maklum, bahawa setiap warganegara Malaysia WAJIB mendaftarkan perkahwinan. Hal ini kerana perkahwinan adalah suatu perkara yang suci, maka ia perlulah dilakukan mengikut Hukum Syarak dan undang-undang.

Peraturan yang diadakan ini bukanlah bertujuan untuk menyusahkan pasangan, tetapi untuk menjaga dan memelihara keturunan dan juga mengawal kerukunan sesebuah keluarga.

Akhir kata, kami doakan semoga urusan perkahwinan anda dipermudahkan, dirahmati, dan diberkati oleh Allah swt. Amin!